

Sekolah Kebangsaan Padang Ampang

Contributed by Amir Hassan

Tuesday, 07 April 2009

Last Updated Saturday, 04 September 2010

```
var newwindow;  
function popstastic(url)  
{  
  newwindow=window.open(url,'name','height=515,width=560');  
  if (window.focus) {newwindow.focus()}  
}  
// -->
```

Warga SK Padang Ampang mengucapkan Selamat Hari Aidilfitri Tahun 2010

Ceramah Keibubapaan 2010

Assalamualaikum dan selamat sejahtera, Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya dan hidayatNya dapat kita bersua di dalam rungan portal SK Padang Ampang ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Pegawai Pelajaran Daerah kita iaitu Tuan Haji Marazlen @ Mar Azlan bin Amran kerana dengan sokongan dan kepercayaan beliau, saya telah ditugaskan di sekolah ini. Untuk itu maka saya telah melaporkan diri di sekolah ini pada 01.07.2010 dan memulakan tugas sebagai Guru Besar pada 09.07.2010.

Pada pendapat saya SK Padang Ampang adalah sebuah sekolah yang mempunyai pontesi yang besar untuk lebih dimajukan. Saya akan cuba sedaya upaya untuk memastikan prestasi yang cemerlang dan terbilang dapat dicatatkan sekian lama akan terus dikekalkan. Malah, saya berkeyakinan sekolah ini boleh dijadikan sebagai salah sebuah sekolah berprestasi tinggi dalam daerah Kuala Kangsar ini, jika beberapa kelemahan mampu diatasi dan ditangani dengan jayanya.

Saya berpegang kepada prinsip bahawa para pelajar, para guru dan para pekerja di sekolah ini seharusnya gembira dan seronok belajar dan bekerja di bawah istilah " Satu Bumbung". Semua permasalahan yang ada akan dapat diselesaikan dengan baik dan bijaksana. Hubungan kesemua warga SK Padang Ampang seharusnya berbentuk satu keluarga yang mesra dan harmoni. Sebagai sebuah keluarga yang mantap, maka ianya perlu merancang, berusaha dan diiringi dengan doa-doa yang dipinta kepada kehadiran Allah S.W.T agar apa jua yang kita hajati akan mendapat petunjuk dan hidayah daripadaNya. Dengan segala usaha yang berterusan, saya percaya kejayaan pasti akan menjadi milik kita. Saya akhiri dengan satu keazaman untuk melakukan yang terbaik kepada SK Padang Ampang.

Sekian, Terima kasih. ENCIK AHMAD PUAD BIN YEOP OMAR (Guru Besar Sekolah Kebangsaan Padang Ampang, Kuala Kangsar, Perak.)

Berita Harian - Pemansuhan UPSR, PMR langkah awal transformasi sistem pendidikan Malaysia 25 Jun 2010
APABILA Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan kemungkinan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dimansuhkan, pelbagai pihak memberi reaksi berbeza. Ada pihak menyokong dan ada yang menyatakan sebaliknya. Bagi yang menyokong, hujah diberikan ialah dari segi kegunaan peperiksaan itu. Peperiksaan UPSR dan PMR sudah lama dilaksanakan dan menunjukkan kegunaannya. Antaranya keputusan peperiksaan UPSR digunakan bagi memilih murid yang layak meneruskan pengajian di sekolah berasrama penuh. Sebelum itu, peperiksaan ini digunakan untuk memilih murid yang layak

meneruskan pengajian pada peringkat menengah rendah. Begitu juga dengan peperiksaan PMR digunakan bagi memilih murid ke sekolah berasrama penuh dan penempatan ke aliran persekolahan tertentu pada peringkat menengah atas, iaitu aliran sastera, sains, teknikal, vokasional dan agama. Peperiksaan ini pernah digunakan memilih murid yang layak meneruskan pengajian pada peringkat menengah atas. Murid yang gagal atau tidak mencapai tahap kelayakan, mereka akan menduduki semula peperiksaan berkenaan. Bagaimanapun, kini murid meneruskan pengajian secara automatik ke Tingkatan 4 dan 5 walaupun pencapaian mereka dalam peperiksaan PMR tidak memuaskan. Atas sebab itu, kewajaran peperiksaan PMR diadakan.

Penilaian ke atas pembelajaran perlu dilakukan untuk mengetahui pencapaian dan prestasi murid dalam pembelajaran mereka. Penilaian ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk termasuk meminta murid menduduki peperiksaan umum seperti UPSR dan PMR. Selain itu, pencapaian dan prestasi murid boleh dinilai secara berterusan dengan menggunakan kaedah penaksiran berasaskan sekolah. Kaedah ini memerlukan pem-babitan aktif guru dalam menggubal soalan dan menentukan jenis penilaian yang hendak digunakan. Dalam erti kata lain guru mestilah berpengetahuan dan berkemahiran dalam menjalankan penilaian pembelajaran murid. Program pendidikan guru yang mereka lalui semasa di Institut Pendidikan Guru atau di universiti telah membekalkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran berkenaan yang membolehkan mereka menjalankan tugas ini. Penilaian atau penaksiran berasaskan sekolah membolehkan guru menilai apa jua aktiviti yang difikirkan sesuai dipelajari murid, bukan saja perkara yang berkaitan dengan akademik tetapi juga perkara yang berkaitan dengan pembinaan sahsiah, adab, akhlak, dan kemahiran sosial yang dikehendaki oleh majikan dan masyarakat. Dengan cara ini murid dan guru tidak lagi memberi fokus kepada peperiksaan umum, tetapi lebih kepada proses mendidik murid menjadi seorang yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempamerkan akhlak mulia. Keputusan penaksiran berasaskan sekolah hendaklah digunakan untuk tujuan memantau pencapaian dan prestasi murid. Sehubungan itu, guru perlu memaklumkan keputusan penaksiran yang mungkin dilakukan secara berkala kepada murid dan ibu bapa yang akan menggunakan keputusan itu untuk mempertingkatkan dan menambahbaik kelemahan diri dalam perkara-perkara yang dinilai atau ditaksir. Untuk mengetahui prestasi murid berbanding dengan pencapaian murid yang lain di seluruh negara, suatu kriteria atau penanda aras yang menunjukkan purata markah yang diperolehi murid di seluruh negara diadakan bagi setiap mata pelajaran. Murid boleh membandingkan pencapaian mereka dengan penanda aras berkenaan untuk menentukan sama ada pencapaian mereka melepasi purata atau di bawah purata markah peringkat kebangsaan. Dalam konteks ini peperiksaan setara diperlukan bagi menentukan kedudukan murid dan boleh diambil pada bila-bila masa. Ada pihak yang masih menginginkan UPSR terus diadakan untuk menentukan kelayakan murid bagi meneruskan pengajian terutama di sekolah menengah berasrama penuh. Jika ini sebab mengapa UPSR ini harus diadakan, kaedah penilaian lain sebagai alternatif boleh digunakan seperti mengadakan ujian kelayakan masuk ke sekolah berasrama penuh. Ujian ini terbuka kepada mereka yang ingin meneruskan pengajian di sekolah itu dan tidak diwajibkan kepada semua murid. Keputusan penaksiran berasaskan sekolah yang diadakan secara berterusan boleh digunakan untuk tujuan penempatan murid di sekolah. Keputusan ini lebih bermakna dalam menunjukkan prestasi sebenar murid dalam pembelajaran mereka di sekolah. Sumber Rencana adalah dari Berita Harian.

PIPP 2006-2010

FOR KIDS

```
var newwindow;
function poptastic(url)
{
  newwindow=window.open(url,'name','height=515,width=560');
  if (window.focus) {newwindow.focus()}
}
// -->
```

Gratisan Musik